

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PELANCARAN MAKER LAB DAN  
PENYERAHAN WAKALAH ZAKAT  
PULAU PINANG KEPADA ASNAF-ASNAF KOPERASI  
PULAU PINANG**

**Tarikh:** 6 Februari 2026M / 18 Syaaban 1447H  
(Jumaat)

**Tempat:** Dewan Sekolah Menengah Agama  
Maahad Al Mashoor Al Islami,  
Jalan Sungai Nipah, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang

**Masa:** 9.30 pagi

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Koperasi dan Salam Malaysia Madani.

*(Salutasi oleh Penganjur)*

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Pelancaran Maker Lab dan Penyerahan Wakalah Zakat Pulau Pinang kepada Asnaf-Asnaf Koperasi-Koperasi Pulau Pinang** pada pagi yang berbahagia ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada **Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad**

**Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang** atas kesudian meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan majlis bersama kami pada hari ini. Sokongan Yang Berhormat amat penting bagi menjayakan usaha sosial dan pendidikan seperti ini.

3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada **Pusat Zakat Pulau Pinang** atas kepercayaan yang diberikan kepada pihak ANGKASA untuk mengagihkan Wakalah Zakat bagi tahun 2023. Kepercayaan ini menunjukkan bahawa koperasi bukan sahaja berperanan dalam ekonomi, tetapi juga sebagai salah satu saluran kebajikan untuk masyarakat yang memerlukan.
4. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua tetamu jemputan, penerima Wakalah Zakat serta anggota koperasi yang hadir. Kehadiran semua pihak juga menunjukkan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap usaha kebajikan dan pembangunan komuniti.

#### **YB Dato', Hadirin Yang Dihormati**

5. Difahamkan bahawa jumlah Wakalah Zakat bagi tahun 2023 berjumlah **RM78,175.04**, yang akan diagihkan kepada golongan asnaf di Pulau Pinang. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM60,000.00** diperuntukkan kepada **Sekolah**

**Menengah Agama Maahad Al Mashoor Al Islami** untuk menyokong kelangsungan pendidikan dan kesejahteraan para pelajar. Baki **RM18,175.04** diagihkan kepada **empat koperasi terpilih**, dengan setiap koperasi menerima **RM4,543.76**.

6. Sumbangan ini walaupun sederhana, diharapkan dapat meringankan beban penerima khususnya dalam mendapatkan keperluan asas, pendidikan dan persiapan menghadapi musim perayaan.
7. Pada hari ini juga kita menyaksikan **pelancaran Maker Lab**, satu inisiatif penting yang memberikan peluang kepada masyarakat dan anggota koperasi untuk menimba ilmu, mengasah kreativiti serta meningkatkan kemahiran teknikal. Maker Lab bakal memberi ruang kepada asnaf untuk mempelajari kemahiran baharu yang mampu membuka peluang ekonomi dan meningkatkan taraf hidup mereka.
8. Inisiatif seperti Maker Lab juga menunjukkan bahawa koperasi boleh menjadi platform pembangunan holistik di mana aspek pendidikan, teknologi, kreativiti dan ekonomi dapat digabungkan untuk memberi impak jangka panjang kepada komuniti setempat.

## **YB Dato', Hadirin Yang Dihormati**

9. Majlis seperti ini juga menjadi contoh terbaik bagaimana kerjasama antara kerajaan, koperasi dan masyarakat mampu menjana perubahan yang signifikan. Dari sumbangan kecil dan konsisten saya yakin kita dapat membina sistem sosial yang lebih inklusif dan lestari, khususnya bagi golongan yang kurang berkemampuan.
10. Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang hadir, terutama **Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid** atas kesudian merasmikan majlis ini. Tahniah kepada semua pihak urusetia yang telah bertungkus lumus memastikan majlis berjalan lancar. Semoga usaha kita semua ini terus menyemarakkan peranan zakat dan koperasi dalam menyantuni masyarakat yang memerlukan.
11. Akhir kata, saya mendoakan semoga segala usaha, sumbangan dan kerjasama yang diberikan mendapat keberkatan daripada Allah SWT, membawa manfaat kepada semua penerima serta mengukuhkan hubungan harmoni dalam masyarakat Pulau Pinang.  
**Sekian, terima kasih.**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

